

Horizon me + ro 21/12/2009 M/s 22

Tambah lokasi mesra OKU

PBT disaran sedia lebih banyak kemudahan untuk aktiviti luar

>>Oleh Yusliza Yakimir
Abd Talib

yusliza@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Pihak berkuasa tempatan (PBT) seluruh negara disaran menyediakan lebih banyak kawasan mesra Orang Kurang Upaya (OKU) supaya golongan berkenaan dapat melakukan aktiviti luar dengan selamat.

Pengarah Majlis Paralimpik Malaysia, Datuk Zainal Abu Zarin, berkata PBT harus memainkan peranan supaya golongan ini dapat bergerak bebas di tempat awam melalui kemudahan yang mesra OKU.

“Melalui cara ini, golongan OKU tidak lagi perlu berasa takut untuk melakukan aktiviti sama seperti orang biasa sekiranya persekitaran mereka dilengkapi kemudahan lengkap untuk memudahkan golongan ini bergerak,” katanya pada sidang media selepas Program KL Mesra 2009 Sempena Hari OKU Sedunia, di Taman Tasik Titiwangsa di sini, semalam.

Hadir sama Ketua Pengarah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Datuk Saleh Yusop.

Program yang bermula seawal 7 pagi itu dihadiri lebih 230 OKU dan masyarakat setempat dalam aktiviti seperti senamrobik, berjalan



SIHAT... peserta OKU bersemangat menyertai senaman.

kaki, berjoging dan berkayak.

Selain itu katanya, golongan OKU perlu mengamalkan gaya hidup aktif dan sihat melalui aktiviti senaman serta sukan supaya mereka kekal cergas.

“Kekurangan yang dialami bukan alasan untuk menolak melakukan aktiviti sihat malah mereka perlu mengambil peluang menyertai program seperti hari ini supaya dapat bergaul dengan orang ramai, sekali gus mengurangkan perasaan kurang keyakinan diri berde-

pan masyarakat,” katanya.

Zainal berkata, program kali ketiga yang dianjurkan Majlis Paralimpik Malaysia itu mendapat kerjasama DBKL dan turut dibantu sukarelawan dari Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang mengendalikan aktiviti kayak untuk OKU.

“Program ini memberi pendedahan kepada masyarakat tentang keupayaan dan keperluan sukan untuk OKU, mewujudkan integrasi antara golongan ini dengan komuniti di samping mem-

promosi sukan serta kesamaan dalam sukan bagi OKU.

“Justeru, semua pihak digalakkan mengadakan program seumpama ini untuk memberi inspirasi kepada OKU sekaligus mendekatkan diri dengan mereka,” katanya.

Sementara itu bagi peserta OKU, Muhammad Hafiz Haikal Sham, 19, berkata program ini memberinya peluang untuk bergaul dengan masyarakat di samping meningkatkan keyakinan diri.